

BERITA HARIAN

DATE: 26/02/2008

# Kerajaan ambil berat beban kewangan rakyat

BH-26/2/2008

## Pelbagai pendekatan, subsidi bantu imbangi kenaikan harga: PM

**PILIHAN RAYA  
UMUM KE-12**



Oleh Fazli Abdullah

**B**UTTERWORTH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai pendekatan bagi membantu mengurangkan beban kewangan rakyat berikutan kenaikan harga minyak di pasaran dunia.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan mungkin tidak boleh menahan harga minyak daripada terus meningkat, tetapi berusaha membantu rakyat dengan cara lain bagi mengimbangi beban kenaikan itu.

Katanya, kerajaan juga tidak boleh terus memberi lebih banyak subsidi bagi menahan harga minyak daripada meningkat, kerana akan menjejaskan pembangunan negara dan keperluan untuk pelbagai sektor lain.

"Ini pendekatan kita, minyak naik (harga) tidak boleh ditahan, tetapi apa yang kerajaan buat ialah meng-

hadapi kenaikan harga minyak. Itu yang penting.

"Jika (harga minyak) boleh dikurangkan, saya pun seronok. Jika nak kurangkan beban rakyat, kita tambah (subsidi) di tempat lain yang rakyat perlu kerana nak jaga kepentingan lain seperti makanan.

"Jika semua (subsidi) pergi kepada minyak, apa jadi dengan makanan,"

**“Kerajaan juga tidak boleh terus memberi lebih banyak subsidi bagi menahan harga minyak daripada meningkat, kerana akan menjejaskan pembangunan negara dan keperluan untuk pelbagai sektor lain”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

katanya berucap melancarkan Kempen Pemandu Teksi Tetap Bersatu Bersama Barisan Nasional (BN) di Seberang Jaya, di sini, semalam.

Hadir sama, Datin Seri Jeanne Abdullah; calon BN bagi Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya, Datuk Arif Shah Omar Shah dan Presiden Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa Malaysia, Yusoff Lahir.

Perdana Menteri berkata, kerajaan membelanjakan RM43.4 bilion untuk pelbagai subsidi, iaitu lebih besar daripada peruntukan untuk pembangunan negara seperti sekolah berjumlah RM40 bilion.

Subsidi berkenaan membabitkan pelbagai sektor termasuk pendidikan, perubatan, makanan dan pertanian.

Katanya, dengan bantuan kerajaan di sektor lain bagi mengimbangi kenaikan harga minyak, ia membolehkan rakyat mengurangkan perbelanjaan untuk sektor tertentu.

Contohnya, ibu bapa tidak perlu lagi membeli buku teks kerana ia diberikan secara percuma kepada semua pelajar, sekali gus mengurangkan beban rakyat.

"Kita buat semua ini kerana prihatin dan mengambil kira kepenti-

ngan rakyat kerana kerajaan BN berjiwa rakyat serta sayang kepada rakyat," katanya.

Abdullah juga menjelaskan kerajaan tidak boleh mengambil keuntungan syarikat petroleum negara, Petronas untuk menampung kenaikan harga minyak.

"Syarikat itu juga perlu menggunakan wang untuk membuat pelaburan dan menguruskan operasinya," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun harga barang, termasuk minyak di Malaysia meningkat, ia masih murah berbanding negara Asean lain.

Contohnya, harga petrol RON97 di negara ini ialah RM1.92 seliter tetapi RM3.86 di Singapura, RM2.69 (Filipina), RM2.49 (Thailand) dan RM2.31 (Indonesia).

Begitu juga dengan minyak masak, iaitu RM6.80 sen sekilogram di Singapura, RM4.27 (Filipina), RM4.76 (Thailand) dan RM3.61 (Indonesia) sedangkan di Malaysia hanya RM3.30.

Sementara itu, Yusoff menyatakan kira-kira 80,000 pemandu teksi memberi sokongan padu kepada BN pada pilihan raya umum ini sebagai penghargaan kepada kerajaan yang prihatin terhadap kebajikan mereka.